

INSAN  
2014



# PROSIDING

## *Persidangan Antarabangsa* *Kelestarian Insan 2014*

Kelestarian Insan Menjana Transformasi Pembangunan Negara  
Isu, Cabaran Dan Masa Depan

**TAMADUN ISLAM | JILID 1**

Tempat | Dewan Tunku Mahkota Ismail, UTHM, Batu Pahat, Johor.  
Tarikh | 9 - 10 April 2014

*Anjuran:*

Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan

*Dengan Kerjasama:*





Terbitan:

ISBN 978-967-0468-83-9



**Penerbit**  
**LITANY**





## NILAI-NILAI ISLAM DALAM *AYAHANDA* KARYA AZIZI HAJI ABDULLAH

Nursafira Lubis<sup>1</sup> & (Asem Shehadeh Ali<sup>2</sup>)

<sup>1</sup>*Jabatan Bahasa Arab & Kesusasteraan  
Kulliyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
safirasafian5494@gmail.com*

<sup>2</sup>*Jabatan Bahasa Arab & Kesusasteraan  
Kulliyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)  
asemali86@yahoo.com*

### ABSTRAK

Azizi Haji Abdullah merupakan nama yang tidak asing lagi dalam dunia kesusasteraan di Malaysia. Penulisan beliau khususnya dalam genre novel dan cerpen, sehingga beliau dianugerahkan dengan pelbagai hadiah sastera, menampakkan ketokohan beliau dalam bidang kesusasteraan. Apa yang menarik dalam karya-karya yang dihasilkan ialah pernyataan beliau yang bernada sinis terhadap permasalahan sosial dan masyarakat yang diungkapkan. Bahkan, karya Azizi Haji Abdullah dianggap sebagai buah fikiran yang mengajak khalayak untuk berfikir dan mengenali kehidupan itu sendiri. Latar belakang beliau yang berpendidikan agama turut mempengaruhi karya-karyanya dengan unsur-unsur Islam. Ini termasuk novel *Ayahanda* yang digarap berdasarkan kehidupan yang telah ditempuhi oleh beliau sendiri. Atas kewajaran inilah, makalah ini cuba untuk merungkai nilai-nilai Islam dan akhlak yang terkandung dalam karya tersebut sebagai salah satu cara untuk melestarikan modal insan dan memperkukuhkan sifat-sifat mahmudah dalam diri pembaca. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tekstual iaitu kajian analisis kandungan teks dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif sebagai metode pengumpulan data dan analisis data. Hasil kajian mendapati bahawa Azizi Haji Abdullah banyak menanam sifat-sifat terpuji dalam novel yang dihasilkan. Justeru, kita dapat lihat dengan jelas beliau menjadikan novel *Ayahanda* sebagai manhaj dakwah untuk mengajak masyarakat sekeliling memiliki akhlak Islamiah dan sifat mahmudah di samping menjaga hubungan dengan Allah dan sesama manusia.

**Keywords:** Azizi Haji Abdullah; *Ayahanda*; Novel; Akhlak Islamiah; Nilai-Nilai Murni.

### PENDAHULUAN

Azizi Haji Abdullah (setelah ini, menggunakan Azizi) merupakan seorang penulis yang agak terkemuka dalam dunia kesusasteraan di Malaysia. Nama beliau sering disebut-sebut di kalangan ilmuwan serta sarjana dan penulisan beliau acap kali disorot melalui pelbagai teori kritikan sastera. Dengan bakat dan kesungguhan, beliau memulakan penulisan ketika dekad 60-an. Pengalaman onak dan ranjau hidup yang beliau tempuhi menjadi intipati kepada sebahagian besar penulisannya. Malah, beliau sering menjadikan orang yang terdekat dengan



dirinya sebagai inspirasi dalam menghasilkan karya termasuk keluarga, kawan-kawan dan pelajar-pelajarnya. Kesungguhan Azizi dalam menjiwai persoalan masyarakat dan permasalahan sosial sekitarnya, menyebabkan beliau menghasilkan banyak kritikan sastera sama ada dalam bentuk cerpen, novel, rencana, drama radio dan drama televisyen. Selain itu, beliau turut menjadi kolumnis bagi beberapa buah majalah dan akhbar mingguan di mana kebanyakan penulisan beliau lebih tertumpu kepada isu masyarakat dan sastera di Malaysia (Shamsuddin, 2005: 266).

Hasan Baseri Budiman menyatakan pendapat peribadinya mengenai Azizi dalam *belasungkawa* (Hasan, 2011: 42). Beliau menganggap Azizi bukan sahaja seorang sasterawan, tetapi juga seorang pengkritik yang sangat lantang bersuara. Keberaniannya melontarkan pendapat bukan sahaja dapat dilihat dengan jelas di dalam karya yang dihasilkan, tetapi juga dalam perbincangan terbuka. Walaupun caranya nampak serius dan garang, tetapi Azizisebenarnya merupakan seorang yang berfikiran terbuka dan senang berbicara. Justeru, bukan suatu yang menghairankan apabila didapati banyak penulisan yang ditinggalkan oleh Azizi kepada dunia kesusasteraan, mengandungi kata-kata beliau yang tajam dan pedas, malah sebahagian besar karyanya menggunakan nada sinis dan sarkastik.

Bagi pengkaji sastera Professor Madya Dr. Siti Hajar Che Man (2011: 31) pula, beliau berpendapat bahawa Azizi merupakan seorang penulis prolific yang berjaya menghasilkan karya dengan cermat, teliti dan berkesan. Beliau sangat mahir dan prihatin dalam menjiwai sebarang isu yang diungkapkan. Malah, deskripsinya yang jelas dan kemas menyebabkan penulisan beliau sentiasa bersifat malar segar sehingga memberi kesan yang mendalam dalam diri khalayak. Walaupun Azizi mempersembahkan cerita secara bersahaja dan menggunakan gaya bahasa yang berulang-ulang serta ayat yang ringkas, namun khalayak dapat mengikuti kesinambungan cerita dengan santai, malah pengakhiran cerita yang ditamatkan secara luar jangkaan yang penuh kejutan menyerlahkan kepengarangan Azizi dalam menghasilkan karya kreatif.

Kenyataan sasterawan Negara, Professor Dato' Haji Shahnun Ahmad (2010: xii-xv) menyokong pendapat Siti Hajar. Beliau menyatakan bahawa Azizi merupakan salah seorang penulis terbaik di negara ini. Kehebatan Azizi terserlah bukan sahaja apabila beliau dapat menulis karya secara aktif dan produktif, malah penulisan beliau menggondol banyak pengiktirafan dan anugerah terutamanya yang melibatkan genre novel dan cerpen. Disiplin beliau yang cukup tinggi dalam menulissesebuah karya sehingga sanggup mengasingkan diri, membolehkan beliau mengambil tempoh masa yang tidak begitu lama (Anwar, 2010: 2). Bahkan, kesungguhan Azizi berkarya tidak mengenal tempat dan suasana, malah beliau sanggup menyewa hotel bertaraf mewah semata-mata untuk menyiapkan penulisan beliau (Anon, 1982).

Berdasarkan paparan di atas, jelas menunjukkan kehebatan Azizi dalam menghasilkan karya kreatif. Walaupun ada pendapat yang menyatakan bahawa



Azizi lebih tersohor sebagai seorang cerpenis berbanding novelis, namun novel-novel yang dihasilkan sekitar 70-an dan 80-an khususnya *Senja Belum Berakhir* dan *Seorang Tua di Kaki Gunung* tidak boleh dipinggirkan (Rahman, 1984: 6). Begitu juga dengan novel-novel beliau yang lain termasuk *Ayahanda*. Novel ini amat menarik kerana berjaya mengangkat persoalan asas dalam kehidupan iaitu penuaan dan ketuaan yang mana berkisar mengenai kedua-dua orang tua Azizi yang melalui hari-hari tua (Abdul Rahman, 2010: 1).

Oleh yang demikian, makalah ini berasa terpanggil untuk turut sama membincangkan salah satu aspek dalam *Ayahanda*. Aspek yang akan dikaji melibatkan pendekatan yang digunakan oleh Azizi dalam mempraktikkan nilai-nilai Islam dalam karya kreatif ini. Reka bentuk kajian ialah kajian tekstual iaitu kajian analisis kandungan teks dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif sebagai metode pengumpulan data dan analisis data (Idris, 2009: 32). Metode yang digunakan dalam mengumpul data ialah metode tematik dengan tumpuan diberikan kepada karya *Ayahanda*. Manakala analisis data dilaksanakan menggunakan metode interpretasi secara deskriptif dengan membentangkan nilai-nilai murni yang dianjurkan oleh Islam seperti mana yang dipaparkan oleh Azizi dalam karya tersebut.

## TINJAUAN LITERATUR

Antara kajian lepas yang dijalankan terhadap novel *Ayahanda* ialah kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahman Abdul Aziz (2010) bertajuk Analisis Gerontologi Terhadap Novel *Ayahanda*. Objektif kajian adalah untuk mengetahui fenomena penuaan dan ketuaan atau dalam ilmu sosiologi disebut sebagai gerontologi. Kajian juga dilihat memaparkan pendekatan-pendekatan sosial, ekonomi, politik dan budaya untuk menangani fenomena ini. Kajian menunjukkan bahawa Azizi berjaya membangkitkan permasalahan yang bersifat universal ini dan idea yang beliau cetuskan dalam novel yang dikaji tidak boleh dianggap enteng kerana setiap manusia yang merasai muda pasti berdepan dengan hari-hari tua.

Selain itu, terdapat makalah berjudul *Ayahanda: Novel Biografi-Autobiografi Mirip Karya Konfesi-Introspeksi*, yang ditulis oleh Shahnnon Ahmad (1999: 91-95). Makalah ini pada asalnya merupakan sebuah catatan untuk Majlis Diskusi Novel *Ayahanda* yang telah dianjurkan oleh Persatuan Penulis Negeri Pulau Pinang. Kajian mendapati bahawa *Ayahanda* merupakan sebuah novel biografi kerana memaparkan riwayat hidup seorang ayah yang telah diceritakan oleh anaknya. Namun, dalam masa yang sama *Ayahanda* juga merupakan sebuah novel autobiografi kerana memuatkan cerita seorang anak tentang dirinya terutama hubungannya dengan ayah. *Ayahanda* juga dilihat cenderung kepada novel bercorak konfesi atau pengakuan dan introspeksi, yang mana tumpuan diberikan kepada aspek kebapaan atau keanakan, bergantung sama ada ia dipandang sebagai novel biografi atau autobiografi.



Berkaitan dengan nilai-nilai Islam yang merupakan aspek yang akan dikaji dalam makalah ini pula, terdapat kajian yang telah dijalankan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali & Salinah Ja'afar (2012) yang bertajuk *Pemeriksaan Modal Insan: Pembentukan Sikap dan Akhlak Islamiah dalam Novel*. Novel-novel yang dikaji merupakan antara novel terkenal di Malaysia iaitu *Badai Semalam, Andai Semalam Kumiliki, Bukan Puteri Lindungan Bulan, Tunggu Teduh Dulu, Ombak Rindu, Ayat-ayat Cinta dan Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*. Kajian mendapati bahawa para pengarang bagi novel-novel tersebut menerapkan unsur akidah, syarak dan akhlak dalam karya mereka sebagai cara untuk membentuk peribadi tinggi di kalangan pembaca.

### **AZIZI HAJI ABDULLAH: BIOGRAFI RINGKAS**

Azizi Haji Abdullah dilahirkan pada 4 April 1942 di Bukit Meryam, Kota Kuala Muda, Kedah dan menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Bukit Meryam hingga lulus darjah lima. Setelah itu, beliau menyambung pelajaran di Sekolah Agama Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang (1956-1965). Pada tahun 1976, Azizi mengikuti Kursus Penulisan Kreatif di Universiti Sains Malaysia (Salmiah, 2000, 4:2220). Kemudian, beliau memulakan kerjaya sebagai seorang guru agama di Sekolah Kebangsaan Sungai Taka, Serdang, Kedah hingga tahun 1970. Seterusnya, Azizi mengajar di Sekolah Kebangsaan Ladang Dublin di Karangan, Kedah dan sejak tahun 1973, beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan (Rendah) Tuanku Abdul Malik, Kulim, Kedah (Baharuddin et. al., 1981: 161; Shamsuddin, 2005: 267). Latar belakang Azizi yang berkembang sebagai seorang yang berpendidikan agama turut mempengaruhi karya-karya yang ditulis oleh beliau.

Azizi yang gemar membaca buku-buku yang bercorak falsafah, agama dan kritikan mengakui telah mendapat didikan dalambidang penulisan secara tidak langsung daripada bapanya yang kerap membeli bahan bacaan. Keinginan diri Azizi supaya nama beliau tersiar dalam akhbar dan majalah seperti nama-nama penulis yang termuat dalam bahan bacaan yang dibacanya, menaikkan semangat beliau untuk cuba melibatkan diri dalam dunia penulisan (Zahidan, 1988: 48-49). Karya beliau yang pertama ialah sebuah rencana tentang pro dan kontra wanita bermain bola sepak. Rencana initelah tersiar dalam akhbar *Warta Negara* pada tahun 1963. Sejak itu, Azizi terus menulis beberapa buah rencana, drama pentas dan drama radio. Cerpen pertama beliau pula bertajuk *Sisa* telah tersiar dalam *Warta Mingguan* sekitar tahun 1960-an. Walaupun sedemikian, karya Azizi masih belum lagi meletakkan nama beliau sebagai seorang penulis, sehingga beliau menghasilkan beberapa buah cerpen dan novel yang sering kali memenangi hadiah, termasuk Hadiah Karya Sastera (Baharuddin et. al, 1981: 161; Ghazali, 1999: 88).

Sepanjang Azizi berkarya, beliau kerap menggunakan nama asalnya. Walau bagaimanapun, beliau turut menggunakan pelbagai nama pena, antaranya Anita,



Ibnu Abdullah Alhaj, Jamong, Qalam Adly, Shahrulmanjarishah, Seri Bungsu, Susilawati dan Tukya (Baharuddin et. al., 1985: 118). Karya-karya Azizi banyak membicarakan isu sosial dan kemasyarakatan, seperti sikap dan perasaan yang memandang manusia dengan prasangka dan curiga. Malah ciri protes dan pernyataan yang sinis terhadap penyelewangan di sekeliling beliau dapat dilihat dengan jelas dalam karya yang dihasilkan. Bahkan karya beliau dianggap memberikan sesuatu kepada khalayak untuk berfikir dan mengenali kehidupan itu sendiri (Shamsuddin, 2005: 267).

Azizi telah menerbitkan novel pertama bercorak keagamaan yang bertajuk *Garis Lintang Anak Haram* pada tahun 1968. Novel tersebut mengisahkan hubungan seorang pemuda Kristian bernama Patrick dengan seorang gadis Melayu bernama Musalmah. Dalam novel pertama ini, Azizi cuba menggambarkan kebenaran dan kesucian agama. Seterusnya, beliau menerbitkan novel kedua pada tahun 1971 bertajuk *Senja Belum Berakhir* dan novel tersebut berjaya meraih Hadiah Karya Sastera pada tahun tersebut. Novel ini pernah diadaptasi menjadi sebuah drama televisyen oleh pihak RTM menerusi slot Panggung RTM pada tahun 1983 dan skripnya ditulis sendiri oleh beliau (Siti Aisah, 2000, 4: 2197; Salmiah, 2000, 4: 2220; Shamsuddin, 2005: 267). Malah, novel tersebut turut dijadikan sebagai korpus kajian sekumpulan penyelidik dalam merungkai keberkesanan penyelidikan sastera Melayu berdasarkan teori Taksonomi Bloom (Abdullah Zawawi & Shaiful Bahri, 2011, 29(2): 83-108).

Pada tahun 1981, Azizi telah menghasilkan sebuah novel bertajuk *Seorang Tua di Kaki Gunung* dan novel tersebut dipilih sebagai pemenang hadiah kedua Sayembara Novel anjuran Yayasan Sabah-GAPENA. Bahkan, novel tersebut turut dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai teks sastera peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 1982 hingga 1985 (Salmiah, 2000, 4: 2223). Antara karya novel lain yang pernah dihasilkan oleh Azizi ialah *Sami Mekong* (1976), *Bila Hujan Malam* (1977), *Tini* (1977), *Ayah Bonda* (1978), *Di Kolam Mulhamah* (1978), *Gadis Itu Bernama Ina* (1978), *Debu Takdir* (1982), *Kasih Sayang* (1983), *Dee* (1987), *Asyraq* (1987), *Melukut Kota* (1987), *Dee* (1987), *Juak* (1989), *Yang Merusuh* (1991), *Menebus Maruah* (1991), *Beruk* (1991), *Anak Kampung Kuala Raga* (1991), *Tukcai* (1991), *Anak Belantara Tropika* (1992), *Cahaya Di Pendalaman* (1992), *Suriati* (1993), *Sinappapal* (1993), *Dunia Bukan Syurga* (1993), *Hoi!* (1994), *Buih* (1995), *Wi & William* (1995), *Atiek Putriba* (1996), *Ayahanda* (1997), *Pencinta Alam* (1998), *Kawin-kawin* (2002), *Sangeetha* (2006), *Memoir Seorang Guru* (2007), *Harga Sebuah Maruah* (2007), *Zikir Rindu* (2009), *Daerah Beta* (2009), *Badai Cinta* (2011) dan *Mandala Dunia Kedua* (2011) (Siti Aisah, 2000, 4: 2197; Salmiah, 2000, 4: 2220; Shamsuddin, 2005: 269; Azizi, 2007: 19-20; <http://aziziabdullah.blogspot.com/>; <http://ulasbuku.blogspot.com/2010/03/senarai-karya-azizi-hj-abdullah.html>).

Dalam genre cerpen, Azizi disifatkan sebagai antara cerpenis tanah air yang terbaik terutama setelah beliau memenangi Hadiah Karya Sastera sejak tahun



1972 hingga 1975 secara berturut-turut. Kenyataan ini turut diperakui oleh Panel Hakim Hadiah Karya Sastera. Pada tahun 1975, Azizi memenangi hadiah sagu hati dalam Peraduan Cerpen Agama anjuran Jabatan Perdana Menteri dengan dua buah cerpennya bertajuk *Keakuan dan Menuju ke Takah Tigamanakal* pada tahun 1979, beliau memenangi hadiah Sayembara Cerpen Esso-GAPENA melalui cerpennya bertajuk *Pelarian Yang Kedua* (Shamsuddin, 2005: 268).

Setelah itu, beliau turut memenangi hadiah yang sama dengan cerpennya bertajuk *Kecundang Seorang Petani* pada tahun 1980, *Seladang* pada tahun 1981 dan *Sangat Sembilang* pada tahun 1984. Dua buah cerpennya, masing-masing bertajuk *Tulang Pekasam Ikan Puyu* dan *Tiruselvam* terpilih memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1982/83. Cerpen-cerpen Azizi terkumpul dalam himpunan bertajuk *Latifah Rabbaniah* (1976), *Keakuan* (1978), *Rindu Bonda* (1980), *Songsang* (1984), *Pertiwi* (1985) dan *Sepi Makin Memanjang* (2013). Cerpen-cerpen beliau turut termuat dalam antologi bersama *Intan Terpilih* (1966), *Cerpen-cerpen Malaysia* (1977), *Bunga Gunung* (1982), *Jelapang II* (1983), *Menjunjung Titah Perintah* (1984), *Titian Laut* (1984), *Angin Pulau* (1985), *Dongeng Merdeka* (1985) dan *Alun Menggulung Perlahan* (1986) (Salmiah, 2000, 4: 2223; Shamsuddin, 2005: 268-269).

Azizi bukan hanya terkenal sebagai novelis dan cerpenis semata-mata, tetapi beliau turut menulis rencana dan ruangan tetap di beberapa buah akhbar dan majalah, antaranya akhbar *Mingguan Timur*, ruangan 'Khabar Dari Utara' dalam majalah *Keluarga* dan dalam beberapa ruangan tetap yang lain seperti ruangan 'Surat Dari Desa' dalam akhbar Persatuan Pengguna Pulau Pinang dengan menggunakan nama pena Tukya. Penulisan tersebut bukan sahaja meletakkan nama beliau sebagai penulis kreatif yang berjaya, malah turut menaikkan namanya sebagai penulis rencana dan kritikan esei yang kerap menimbulkan isu-isu yang kontroversi. Pada tahun 1998, Azizi telah dilantik sebagai penulis tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka (Salmiah, 2000, 4: 2223; Shamsuddin, 2005: 269).

Azizi telah dianugerahkan bintang Ahli Mangku Negara pada tahun 1971 oleh Yang Dipertuan Agong. Selain itu, beliau turut dianugerahkan pingat Bintang Kebaktian Masyarakat oleh Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 1986 sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau kepada masyarakat dan negara. Azizi turut terpilih sebagai penerima Anugerah S.E.A Write Awards di Bangkok pada tahun 1988. Dalam bidang drama pula, Azizi telah menerima Anugerah Sri Angkasa untuk kategori drama Radio Terbaik pada tahun 1989/90 (Salmiah, 2000, 4:2223; Shamsuddin, 2005: 269). Berikut ialah hadiah bagi genre novel yang telah dimenangi oleh Azizi sepanjang kepengarangan beliau:

- 1) *Senja Belum Berakhir* – Hadiah Karya Sastera tahun 1971 (Baharuddin et. al., 1981: 162).
- 2) *Seorang Tua di Kaki Gunung* – Hadiah Kedua Sayembara Novel Yayasan GAPENA/Sabah II 1981 (Salmiah, 2000, 4:2223).
- 3) *Asyraq* – Hadiah Karya Sastera Sayembara Yayasan Sabah (*Dewan Sastera Mac* 2008).



- 4) *Suriati* – Pemenang Pertama Sayembara Novel Berunsur Islam tahun 1992.
- 5) *Wi & William* – Tempat Ketiga Hadiah Nasional Novel Sako 1 tahun 1995 (*Dewan Sastera Mac* 2008).
- 6) *Kawin-kawin* – Tempat pertama Hadiah Nasional Novel Sako 2 tahun 1999 (*Dewan Sastera Mac* 2008).
- 7) *Sangeetha* – Diangkat sebagai novel penting pada abad ke-21 dan dinobatkan sebagai penerima Hadiah Sastera MASTERA ke-5 pada tahun 2007 (*Dewan Sastera Mac* 2008: 14).
- 8) *Harga Sebuah Maruah* – Pemenang kedua Sayembara Mengarang Sempena Perayaan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka (*Dewan Sastera Mac* 2008; Azizi, 2009: 390).

Berdasarkan paparan di atas, jelas menunjukkan bahawa Azizi telah memberi sumbangan yang besar dalam dunia penulisan di Malaysia. Bahkan, hadiah dan anugerah yang dimenangi mengiktiraf pemikiran dan komitmen beliau dalam bidang kesusasteraan. Azizi yang sangat sensitif terhadap pelbagai fenomena masyarakat yang berlaku di sekelilingnya menghasilkan banyak karya dengan menggunakan nada protes, sinis, malah kadang-kadang berbaur humor (Anon, 2001: 10). Pendekatan Azizi ini sebenarnya bukan sahaja menonjolkan kekreatifan beliau, malah mengajak khalayak berfikir tentang insan dan kehidupan di samping menyampaikan dakwah Islamiah secara tidak langsung menerusi penulisannya yang diwariskan pada hari ini.

#### **NILAI-NILAI ISLAM SEBAGAI KERANGKA ANALISIS**

Sebelum diterangkan elemen nilai-nilai Islam secara terperinci, adalah perlu dijelaskan pengertiannya terlebih dahulu. Menurut Dr. Jabir Qamihah (1996: 49), nilai-nilai Islam ialah:

*Himpunan akhlak yang membentuk keperibadian Muslim yang unggul, seterusnya berupaya memberikan sumbangan kepada masyarakat, bekerjasama dan berusaha ke arah pembentukan diri, keluarga dan akidah.*

Nilai-nilai ini berperanan sebagai penunjuk kepada manusia untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan melalui pedoman wahyu. Ia memfokuskan kepada tiga aspek penting iaitu aspek interaksi manusia dengan Allah (ta'abbudiyah), aspek interaksi manusia sesama manusia (mu'amalah) dan aspek interaksi manusia dengan alam (khalifatul'ard) (Shuhairimi, 2009: 21). Bagi aspek yang pertama iaitu interaksi manusia dengan Allah, aspek ini bermaksud ketaatan manusia secara mutlak terhadap hukum yang telah ditetapkan oleh Allah (Shuhairimi, 2009: 22). Hal ini bermakna seseorang muslim wajib menjaga hubungannya dengan Allah iaitu dengan beriman kepada-Nya dengan sepenuh hati tanpa mempersekutukannya dengan sesuatu pun.



Interaksi manusia sesama manusia pula meliputi komunikasi manusia dengan dirinya sendiri dan dengan manusia lain. Bagi komunikasi yang pertama, seseorang bebas melakukan apa yang diinginkan tetapi dia terikat dengan adab atau batasan yang telah ditetapkan Islam. Lima asas penting yang telah ditentukan oleh syariat perlu dijaga demi memartabatkan maruah dan keselamatan diri manusia sendiri. Asas-asas tersebut ialah menjaga agama iaitu tidak menolak hukum Allah, menjaga keturunan iaitu tidak melakukan zina, menjaga akal iaitu tidak meminum minuman yang memabukkan, menjaga harta iaitu tidak mencuri atau melakukan pembaziran dan menjaga nyawa iaitu tidak membunuh diri. Manakala bagi komunikasi sesama manusia pula melibatkan adab-adab yang perlu dipelihara. Antaranya adab berkeluarga seperti suami dengan isteri, ibu bapa dengan anak-anak serta saudara dan adab bermasyarakat seperti sesama jiran, sahabat dan komuniti (Asmawati, 2009: 105).

Aspek yang ketiga iaitu interaksi manusia dengan alam merujuk kepada pemeliharaan manusia terhadap persekitaran mereka seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, air, udara dan lain-lain. Manusia perlu menjaga hubungan mereka dengan alam supaya wujud keseimbangan dalam kehidupan mereka seperti tidak mencemarkan udara dan air yang merupakan asas kehidupan, tidak merosakkan tumbuh-tumbuhan dengan sewenang-wenangnya yang menjadi sumber udara dan makanan dan tidak menyeksa haiwan yang menjadi sumber makanan selain digunakan sebagai kenderaan, pengawal dan sahabat mereka. Justeru, hubungan yang harmoni ini akan melahirkan kehidupan yang lebih sempurna, beradab, bermoral, beretika serta berakhlak (Asmawati 2009: 108-109).

Walau bagaimanapun, untuk konteks kajian ini, perbincangan akan difokuskan kepada dua aspek sahaja iaitu interaksi manusia dengan Allah dan sesama manusia. Manakala aspek yang ketiga iaitu interaksi manusia dengan alam tidak akan dibincangkan memandangkan aspek ini tidak begitu jelas kelihatan dalam novel Azizi yang dikaji yang berjudul *Ayahanda*.

#### **Novel *Ayahanda*: Sepintas Lalu**

Novel ini telah diterbitkan sebanyak tiga kali oleh Creative Enterprise Sdn. Bhd., Kuala Lumpur iaitu pada tahun 1997, 1999 dan 2001, sepuluh tahun sebelum Azizi meninggalkan dunia penulisan buat selama-lamanya. Ia mempunyai 286 halaman. Novel ini mengisahkan pandangan dan perasaan jujur seorang anak terhadap kerena bapa dan ibunya yang lanjut usia. Walau bagaimanapun, kisah mengenai ibunya adalah sampingan, manakala tumpuan diberikan terhadap bapanya setelah ketiadaan ibunya. Perpisahan antara kedua-dua insan ini menyebabkan bapa sering dilanda rasa sepi yang amat sangat dan tersisih, seolah-olah kedua-dua mereka tidak boleh berpisah (Abdul Rahman, 2010).

Menurut Shahnnon Ahmad (1999: 93), bahasa yang digunakan dalam *Ayahanda* mudah difahami sekalipun Azizi banyak memaparkan bahasa daerah Kedah. Ciri-ciri peribadi kebapaan dan keanakan yang ditimbulkan dalam novel ini kadang-



kadang mengundang rasa hiba, sedih pilu, terasa marah dan pada masa yang sama penuh dengan lelucon dan gelak ketawa. Watak-watak yang ditonjolkan dalam novel ini merupakan watak sebenar yang hidup dalam alam realiti. Hal ini turut diperakui oleh Azizi (2007: 140), yang menyatakan bahawa *Ayahanda* merupakan satu usaha merakam sebuah kehidupan bapanya yang menjadi sumber kekuatan dan idea baginya untuk berkarya, selain ibunya sendiri.

## ANALISIS ELEMEN NILAI-NILAI ISLAM DALAM *AYAHANDA*

### Aspek Pertama: Interaksi Manusia dengan Allah (ta'abbudiyah)

Aspek ini diolah dengan baik oleh Azizi dalam novel yang dikaji kerana watak-watak yang ditonjolkan memiliki peribadi yang tinggi. Watak utama yang menjadi tunjang cerita ialah Abdullah, seorang bapa yang digambarkan sebagai seorang yang sangat patuh dan taat kepada perintah Allah. Hal ini dapat dilihat melalui gerak geri dan kegiatan yang dilakukan dalam kehidupan seharian. Abdullah yang merupakan seorang imam di tempatnya, sering menyampaikan suruhan agama pada masyarakatnya. Beliau yang benar-benar mengamalkan ajaran Islam, sentiasa mendekati diri kepada Allah dan berpegang teguh dengan syariat-Nya. Beliau juga merupakan seorang yang mencintai masjid dan menjadikannya sebagai rumah kedua, malah tidak mengendahkan semua yang bersifat duniawi. Aktiviti harian yang dilakukan oleh Abdullah yang telah berusia 97 tahun ini merupakan satu kelaziman dalam amalan budaya masyarakat Melayu yang berusia lanjut. Jadual di bawah menunjukkan bentuk-bentuk interaksi Abdullah dengan Tuhannya dalam teks novel yang dikaji:

Bentuk Interaksi	Teks Novel <i>Ayahanda</i>
Melakukan qiamullail dan mendampingi al-Quran	<i>Bapa baca Quran. Semakin tengah malam, semakin garuk suara bapa. Bapa sembahyang sunat Tahajud. Bapa Qiamullail. Bapa berzikir (Azizi, 2001: 30).</i>
	<i>Emak lihat bapa sangat asyik membaca Quran... Bapa membaca dengan dua tangan memekup ke muka. Suara bapa berlagam-lagam, menggetar, sebak-sebak dan penuh khusyuk. Bapa bukanlah hafiz tetapi semua surah telah dihafaznya. Nada bacaannya beralun menggetar. Bapa baca macam mahu menghabiskan tiga puluh juzuk sekali gus malam itu (Azizi, 2001: 32).</i>
	<i>Malam itu bapa tidak tidur di rumah. Seperti selalunya, bapa bermalam di masjid. Begitu tabiat bapa... Tengah malam, ketika aku terjaga, aku terdengar bapa membaca Quran tersangat kuat. Suaranya berlaram-laram dan tertahan-tahan (Azizi, 2001: 49).</i>
	<i>Tiba-tiba di dalam bilik aku terdengar bapa batuk. Kemudian aku dengar bapa bangun dan ke bilik air. Rupa-rupanya bapa sembahyang tengah malam...</i>



	<p><i>Berjemaah di rumah satu kemestian, bagai isi dengan kuku. Barangkali kerana hikmah inilah maka emak sukar berpisah dengan bapa. Barangkali ia menjadi tali batin kasih sayang yang tidak disedari (Azizi, 2001: 135).</i></p> <p><i>Di bilik bapaku, aku terdengar suara bapa membaca Quran seperti hafiz. Suaranya bergetar. Suasana sepi malam memang begitulah jadinya. Dari hafazanku, sedikit sebanyak aku dapat tahu bapa membaca surah Al-Mulk (Azizi, 2001: 254).</i></p>
Menjaga solat dan melazimi solat Duha	<p><i>Sangat pelik tabiat bapa. Kalau dia buat sesuatu dibuatnya bersungguh-sungguh. Sampai lupa makan, kecuali waktu sembahyang (Azizi, 2001: 124).</i></p> <p><i>Begitulah bapa kalau ada di tengah sungai atau laut. Bapa tidak pernah meninggalkan sembahyang (Azizi, 2001: 228).</i></p> <p><i>Ketika jam hampir menunjukkan pukul sebelas pagi, aku dapati bapa sudah selesai sembahyang Duha (Azizi, 2001: 67).</i></p> <p><i>Pemergian bapa ke masjid pasti sembahyang Duha. Kalau sembahyang Duha, bapa akan terus baca Quran. Pasti lama bapa di masjid (Azizi, 2001: 202).</i></p> <p><i>Sebelum ini, kalau selepas sembahyang Duha, bapa sudah memecut motosikalnya ke pekan Kota... (Azizi, 2001: 60).</i></p>
Melakukan sujud syukur	<p><i>...bapa dengan cepat menghampar sejadah lalu bertakbir agak kuat. Hairan! Apakah bapa belum sembahyang Asar? Tidak mungkin bapa baru sembahyang Asar. Bapa tidak pernah melewatkan sembahyang. Tetapi mustahil pula bapa sembahyang sunat. Mana ada sunat selepas sembahyang Asar? Aku lebih tertarik hendak mengintai. Selepas takbiratul ihram, rupa-rupanya bapa terus sujud, duduk antara dua sujud dan kemudiannya sujud lagi dan akhirnya memberi salam. Rupa-rupanya bapa sujud syukur (Azizi, 2001: 90).</i></p>
Berdoa dengan bersungguh-sungguh	<p><i>Bapa membaca ayat dalam sembahyangnya dengan perlahan sekali, seperti berbisik pada Tuhan dengan amat Tawaduk. Kemudian bapa berdoa yang aku tidak dapat mendengar buah butirnya. Bapa menadah tangan dengan jujur, memejam matanya dan dari apitan kelopak matanya sedikit air meleleh. Bapa menelan-nelan air liur sehingga biji halkumnya menongkah melonjak naik (Azizi, 2001: 142).</i></p> <p><i>Selepas sembahyang bapa terus berdoa. Doa bapa sangat berlainan. Bapa mengangkat tangan hingga terbuka ketiak. Suaranya bergetar mengalun-alun. Bapa seakan-akan menangis dan bila selesai doanya, bapa menekupt</i></p>



	<p><i>tangan ke muka sedemikian lama dan terdengar nafasnya tersekat-sekat dan terisak-isak (Azizi, 2001: 183).</i></p> <p><i>Dengan tadahan tangan yang aku nampak urat-urat bengkok-bengkok, bapa memejamkan matanya, bermunajat dengan nada gementar, dengan halkumnya turun naik meminta kepada Allah supaya rumah tanggaku diberkati sepanjang hayat... Wajahnya yang berkedut, aku nampak ada lelehan air mata ke pipi. Bapa bermohon kepada Allah supaya meminta berkat dan rahmat dengan doa Ibrahim kepada Allah supaya anak cucunya menjadi orang yang solih. Tidak putus-putus aku lihat bapa bersungguh-sungguh, mengharap dan bermunajat supaya keberkatan hidup menghujani atas nama suami isteri. Tadahan tangan bapa menggeletar, terbuka lurus kemudian bapa menggenggam erat pula. Air matanya semakin jenuh memohon restu dari Allah (Azizi, 2001: 196).</i></p>
<p>Memakmurkan masjid</p>	<p><i>Bapa tinggal seorang. Bapa tidak ikut kerana bapa lebih sayang pada masjid. Bapa tidak mahu ketinggalan jadi imam dan baca kitab (Azizi, 2001: 5).</i></p> <p><i>Subuh-subuh lagi, bapa sembahyang Subuh di masjid. Kalau emak ada, emak jadi makmum (Azizi, 2001: 6).</i></p> <p><i>...bapa sudah ke masjid walaupun tersenget-senget berjalan. Tidak sampai hati bapa melihat anak jemaah bertolak sorong enggan menjadi imam. Tidak tergamak pula biarkan anak jemaah melengung buang masa selepas Maghrib (Azizi, 2001: 21).</i></p> <p><i>Mungkin bapa mahu menampal segala kerobekan dan kedaifan masjid dengan amal ibadahnya. Biarkan masjid lama asalkan ibadat sering diperbaharui. Bapa akan merasa masjid seperti mahligai apabila zauqnya mengasak kejang kukuh dalam dadanya. Dan malam itu, selepas kenduri pisang emas, kopi dan teh ala kadar, selepas baca Yasin dan tahlil, bapa tidak balik juga... Bapa mula baca Quran, berzikir (Azizi, 2001: 31).</i></p> <p><i>...bapa sangat sukar hendak meninggalkan masjid. Jatidiri bapa dengan masjid sangat kental. Bapa tidak mahu tinggal baca kitab... (Azizi, 2001: 57).</i></p> <p><i>Menurut Kakak Limah, bapa dalam sakit-sakit pun terhincut-hincut juga ke masjid. Bapa bersila juga membaca kitab (Azizi, 2001: 92).</i></p> <p><i>Rumah kedua bapa di masjid. Sebelum subuh bapa sudah ada di sana. Tengah hari juga bapa di masjid. Asar juga di sana. Maghrib dan isyak sudah pasti. Kadang-kadang tengah malam pun, menurut cerita Kakak Limah, bapa ke masjid sembahyang Tahajud. (Azizi, 2001: 186).</i></p>



*Aku nak ke masjid. Di sana rumahku... kata bapa dengan nada yang sangat berlainan (Azizi, 2001: 284).*

Paparan teks novel di atas menunjukkan bentuk-bentuk interaksi Abdullah dengan Tuhannya. Antaranya ialah beliau selalu menghidupkan malam dengan melakukan solat-solat sunat, berzikir serta membaca al-Quran, memelihara solat fardu, sering melakukan solat Duha, melahirkan rasa syukur kepada Allah, memohon kepada-Nyadengan bersungguh-sungguh dan sentiasa menghadirkan diri ke masjid. Kegiatan yang dilakukan oleh Abdullah dalam kehidupan seharian ini merupakan lambang serta tanda ketaatan dan kepatuhannya kepada Allah, malah beliau sentiasa menjadikan agama sebagai asas utama dalam kehidupan. Kenyataan Abdullah di bawah membenarkan dengan apa yang dikatakan sebagai sifat (ta'alluq) atau kebergantungan yang merupakan antara interaksi manusia dengan Allah:

*Biarlah orang tak pedulikan kita, asalkan Allah bersama kita.  
 Kalau orang bencikan kita, tak bererti Allah juga benci (Azizi, 2001: 33).*

Mesej melalui kerangka di atas jelas menunjukkan pengabdian Abdullah kepada Penciptanya yang hanya mengharapkan keredhaan-Nya semata-mata. Justeru, tidak syak lagiAzizi selaku pengarang novel yang dikaji berjaya menerapkan aspek (ta'abbudiyah) dalam novelnyadengan baik sekali gus mengajak pembaca memiliki peribadi unggul seperti yang ditonjolkan pada watak Abdullah yang merupakan bapa beliau sendiri seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini.

#### **Aspek Kedua: Interaksi Manusia Sesama Manusia (mu'amalah)**

Antara bentuk interaksisesama manusia yang diketengahkan oleh Azizi dalam novel *Ayahanda* ialah suami dan isteri iaitu emak dan bapanya, anak dan orang tuanya, bapa dan anak sertabapa dan masyarakat setempat.Jadual di bawah menunjukkan bentuk-bentuk mu'amalah sesama insandalam teks novel yang dikaji:

<b>Bentuk Interaksi</b>	<b>Teks Novel <i>Ayahanda</i></b>
Kasih sayang antara suami dan isteri	<i>Bapa akan merasa cukup sunyi kalau emak tidak ada, malah sampai baca kitab di masjid pun bapa tidak ada mood. Bapa akan cepat-cepat tutup kitab dan kemudian tunduk termenung... (Azizi, 2001: 4).</i>
	<i>Emaklah menjadi jururawat yang sangat setia. Siang malam emak mengurut badan bapa. Mana-mana tempat bengkak emah demah dengan pasir lada yang digoreng dalam bungkusan kain (Azizi, 2001: 21).</i>
	<i>Emak sungguh taat pada bapa. Buatlah apa pun, emak tetap taat. Tetapi bapa bukan mendera. Makan minum bapa, emak jaga betul-betul. Sakit demam bapa tidak pernah diabaikan, hatta kalau aku hendak bawa ke klinik emaklah yang membantah dahulu. Bantah sungguh-sungguh. "Aku boleh jaga. Aku kuat lagi!" Kata emak.</i>



	<p><i>Dan jika ada makanan, buah-buahan yang diberi oleh abangku atau kakakku, emak simpan untuk bapa. Tidak habis bapa makan, baru emak makan. Jika tidak, emak tunggu makan bersama (Azizi, 2001: 177).</i></p>
<p>Kasih anak terhadap orang tuanya</p>	<p><i>Aku bawa emak ke rumahku kerana hendak mengubat lututnya yang sakit. Sudah lama emak bersungut tentang lututnya. Kalau hendak bangun dari tahiyat, jenuh tekan lutut. Kalau hendak bangun dari bercangkung pun begitu juga. Urat lutut sudah bersimpul agaknya. Selain daripada itu, emak juga bersungut sakit pinggang dan sakit mengah (Azizi, 2001: 5).</i></p>
	<p><i>Aku masih di sisi emak sambil menyapu-nyapu minyak angin, melumur di serata kaki. Kaki emak tidaklah sebengkak mana tetapi sakitnya pasti luar dan dalam. Emak memegang pahaku tidak lepas-lepas. Emak sudah merasai suam suhu badanku (Azizi, 2001: 142).</i></p>
	<p><i>Bagaimanapun, keseorangan bapa tidaklah membimbangkan aku. Belakang rumah bapa, rumah kakak Limah. Tepi rumah pula, rumah Abang Ramli. Di belakang dekat gigi bukit, rumah Abang Ahmad. Jarak antara sebuah rumah tidaklah sampai penat berlari. Anak cucu bapa boleh kata selalu datang menjenguk... Kakak Limah setiap waktu menghantar makanan dan minuman. Abang Ahmad selang tiga malam datang tidur di rumah bapa. Abang Ramli pun selalu jenguk-jenguk (Azizi, 2001: 25).</i></p>
<p>Kasih bapa terhadap anaknya</p>	<p><i>Sekali bapa menolak sekali pula perahu terenjut... Dalam dadaku termuak perasaan yang sukar hendak aku jelaskan. Aku tidak tahu mengapa bapa sampai begini bersusah payah dan mengapa bapa tidak mahu aku bersusah payah. Dan dalam kesamaran malam, aku nampak bapa terbongkok-bongkok menolak sekuat tenaga dan aku seolah-olah kanak-kanak kecil sahaja (Azizi, 2001: 81-82).</i></p>
	<p><i>Anakanda, kipas angin yang ayahanda beli itu adalah duit daripada ayahanda gadai gelang dan rantai emak anakanda. Tidak mengapalah, asalkan malu anakanda dapat ayahanda tebus. Anakanda tidak payah susah-susah cari duit hendak tebus. Ayahanda akan tebus sehari dua lagi (Azizi, 2001: 55).</i></p>
<p>Kasih bapa terhadap masyarakat setempatnya</p>	<p><i>Tidak sampai tiga bulan bapa ke sungai atau ke laut memukat, tidak sampai sepuluh kali bapa merawai atau mengodam ikan loban atau memukat selangat, perahu itu tersadai di pangkalan. Orang pinjam lebih kerap daripada bapa ke laut. Pukat Jepun yang bapa beli beratus-ratus ringgit juga diberi orang pinjam. Sewanya</i></p>



*tidak ada. Kalau ada pun cuma seekor dua ikan bila mereka pulang. Aku, kakakku dan abang-abangku tidak boleh buat apa-apa. Bapa marah kalau kami tunjuk kedekut atau cemburu pada perahu itu (Azizi, 2001: 126).*

Paparan di atas menggambarkan bentuk-bentuk interaksi sesama insan yang terdapat dalam novel *Ayahanda*. Antaranya ialah kasih sayang terhadap pasangan suami isteri, kasih anak terhadap orang tuanya, kasih bapa terhadap anaknya dan masyarakat di tempatnya. Garapan mesej yang baik oleh Azizi mengenai hubungan dua hala ini berjaya mencerminkan keperibadian watak-watak yang ditonjolkan dalam novel yang dikaji. Malah jalinan kasih sayang dan ikatan kekeluargaan jelas terpancar, misalnya budaya makan bersama yang dianjurkan oleh watak Abdullah di dalam rumah berjaya mengumpulkan ahli keluarganya, seperti mana dalam teks novel berikut:

*Bapa minta isteriku, Kakak Limah, Kakak Piah isteri Abang Ramli, Khomsiah dan Badariah, anak Kakak Limah masak apa sahaja untuk makan selepas Maghrib...Barulah semua tahu rupa-rupanya bapa mahu makan sekeluarga seperti dulu-dulu. Bapa barangkali sudah tahu yang kami sekeluarga sudah lupa budaya makan bersama (Azizi, 2001: 166).*

Petikan di atas menunjukkan usaha dan inisiatif Abdullah dalam memupuk kemesraan antara keluarganya iaitu mengamalkan budaya makan secara berjemaah yang semakin dilupakan oleh anak-anaknya. Begitu juga hubungan kasih sayang antara ahli keluarga dan masyarakat sekeliling yang dipaparkan dalam novel yang dikaji. Justeru, pengarang bukan sahaja berjaya membina akhlak Islamiah, bahkan terserlah kemampuan dan kekreatifan beliau dalam menggarap nilai-nilai murni antara sesama insan dalam karyanya. Mesej yang dibawa ini penting dalam mendidik khalayak pembaca supaya menjadi insan yang berakhlak mulia dan berbudi pekerti seperti yang ditonjolkan oleh watak Abdullah dan watak-watak lain dalam novel ini.

## KESIMPULAN DAN HASIL KAJIAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, jelas menunjukkan bahawa karya *Ayahanda* tulisan Azizi Haji Abdullah telah mengemukakan elemen nilai-nilai Islam yang penting. Elemen ini mencakupi interaksi manusia dengan Allah (ta'abbudiyah) dan interaksi manusia sesama manusia (mu'amalah). Antara bentuk-bentuk ta'abbudiyah yang dipaparkan dalam novel yang dikaji ialah sentiasa melaksanakan qiamullail, mendampingi al-Quran, menjaga solat fardu, melazimi solat Duha, melakukan sujud syukur, berdoa dengan bersungguh-sungguh dan memakmurkan masjid. Manakala bentuk-bentuk mu'amalah yang digambarkan dalam novel pula ialah kasih sayang antara suami dan isteri, kasih anak terhadap orang tuanya, kasih bapa terhadap anak dan masyarakatnya. Kedua-dua interaksi ini amat penting untuk dihayatikan dipraktik dalam



kehidupan seharian. Justeru, langkah Azizidalam menyuguhkan nilai-nilai murni dan akhlak terpuji dalam novel *Ayahanda* boleh dianggap sebagai wadah dakwah dalam mengajak khalayak pembaca melakukan makruf, berperibadi luhur dan berakhlak terpuji.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz.(2010).Analisis Gerontologi Terhadap Novel *Ayahanda* .Seminar Pemikiran Azizi Hj. Abdullah, 3 Ogos.
- Abdullah Zawawi Mohd. Hairani & Shaiful Bahri Md. Radzi.(2011). Melampaui Sempadan Penyelidikan Sastera: Satu Perbincangan Berdasarkan *Senja Belum Berakhir* Karya Azizi Haji Abdullah.*Sari-International Journal of the Malay World and Civilization*, 29(2): 83-108.
- Anon. (1982). Azizi, Sanggup Menyewa Hotel Mewah Untuk Menyiapkan Karyanya. *Utusan Malaysia*, 9 Ogos.
- Anon. (2001). Tokoh Bulan Ini: Azizi Haji Abdullah. *Dewan Sastera*, Oktober.
- Anwar Ridhwan.(2010). Azizi Haji Abdullah Yang Saya Kenali: Pengarang Yang Selalu Memberi Impak.*Seminar Pemikiran Azizi Hj. Abdullah*, 3 Ogos.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Haji Abdullah.(2001).*Ayahanda*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn. Bhd.
- Azizi Haji Abdullah.(2007).*Kuras-kuras Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Haji Abdullah.(2009). *Daerah Beta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Hj. Abdullah. (2010). *Seeds of Love*. Terj. Harry Aveling. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Baharudddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon & A.M. Thani (peny.).(1981).*Wajah (Biografi Seratus Penulis)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharudddin Zainal, Safian Hussain, Sarah Sadon & A.M. Thani (peny.).(1985).*A Biography of Malaysian Writers*. Terj. Nor Azizah Abu Bakar, Farida Haji Abdul Kadir, Mohd. Daud bin Md. Nor, Faridah Mustafa & Ainon Abu Bakar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Din.(1999). Cita rasa masyarakat sastera sudah berubah. Temubual bersama Azizi Haji Abdullah.*Dewan Sastera*, Jun.
- Hasan Baseri Budiman. (2011). Tabir Hayat: Mengenangmu Azizi. *Dewan Sastera*, November.
- <http://aziziabdullah.blogspot.com/> (28/1/2014).
- <http://ulasbuku.blogspot.com/2010/03/senarai-karya-azizi-hj-abdullah.html>(28/1/2014).
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.



- Qamihah, Jabir. (1996). *Nilai-nilai Islam: Satu Pengenalan*. Terj. Mudasir Rosder & Mohd. Zawawi Abdullah. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Rahman Shaari. (1984). *Mendekati Seorang Tua di Kaki Gunung*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Berhad.
- Salmiah Ismail, (2000), Azizi Haji Abdullah. Dlm. *Ensiklopedia Sastera Dunia*, Jil. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1999). *Ayahanda: Novel Biografi-Autobiografi Mirip Karya Konfesi-Introspeksi*. *Dewan Sastera*, Jun.
- Shamsuddin Jaafar (peny.).(2005).*Wajah: Biografi Penulis Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsuddin Jaafar (peny.).(2005).*Wajah: Biografi Penulis Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shuhairimi Abdullah. (2009). *Dinamisme Nilai-nilai Murni Menurut Perspektif Islam*. Kangar: Penerbit UniMAP.
- Siti Aisah Murad.(2000). Malaysia, Kesusasteraan. Dlm. *Ensiklopedia Sastera Dunia*, Jil. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Che Man. (2011). *Pemikiran Azizi Hj. Abdullah Tentang Wanita*. *Dewan Sastera*, Mei.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali & Salinah Ja'afar. (2012). *Pemeriksaan Modal Insan: Pembentukan Sikap dan Akhlak Islamiah dalam Novel*.*Jurnal Melayu*, 9: 55-73.
- Zahidan Abd. Aziz. (1988). *Sehari Bersama Azizi Hj. Abdullah: Saya Tidak Ada Disiplin Menulis*. *Dewan Sastera*, April.